

13 November 2009(Jumaat)

Projek air bawah tanah dijangka siap akhir 2012

KUALA LUMPUR: Sime Darby Bhd (Sime Darby) menjangka dapat menyiapkan infrastruktur projek air bawah tanah di Batang Padang, Perak menjelang akhir 2012 bagi membekalkan 500 juta liter sehari (mld) ke Selangor seawal 1 Januari 2013. Ketua Pengurusan Air Bahagian Tenaga dan Utiliti Sime Darby Bhd, Dr Azuhan Mohamed, berkata pihaknya sudah merangka kaedah pengurusan mapan bagi projek itu dengan mengambil kira kadar simpanan air bawah tanah dan kesan terhadap alam sekitar. "Pelantikan kontraktor dijangka selesai menjelang awal 2010 tetapi tiada tender dikeluarkan setakat ini. Projek ini berkemungkinan besar dilaksanakan secara usaha sama antara syarikat tempatan dan perunding luar negara.

"Pada pendapat saya, projek pengambilan air bawah tanah ini lebih berdaya maju berbanding pengambilan air dari sungai atau membina empangan kerana tanah bertindak sebagai penapis semula jadi dan tidak memerlukan proses pembersihan yang rumit. "Berbanding pengambilan air di permukaan, air bawah tanah memerlukan modal permulaan yang besar untuk penggerudian, pemasangan paip dan loji pembersih tetapi lebih menjimatkan dalam jangka panjang kerana sumbernya lebih bersih serta berkekalan," katanya.

Sehubungan itu, Sime Darby mengambil iktibar daripada kejayaan Korea Selatan melaksanakan projek pengambilan air bawah tanah sejak pertengahan 1970 dan kini 20 peratus keperluan airnya daripada sumber berkenaan. Kaedah itu terbukti dapat mengelakkan pencemaran yang menjadi masalah utama pengambilan air pada permukaan, terutama daripada sungai. Hampir 98 peratus keperluan air negara diperoleh daripada sumber di permukaan, terutama sungai dan empangan, untuk diproses dan dibekalkan kepada orang ramai. Selain projek di Batang Padang, Sime Darby juga sedang melaksanakan projek pengambilan air bawah tanah bagi membantu kerajaan mengatasi masalah air di Labuan.

Bagi projek di Ladang Cluny dan Bedford di Batang Padang, Sime Darby bercadang membangunkannya dalam dua peringkat di mana fasa pertama membabitkan pembangunan 10 telaga yang masing-masing mampu mengepam 50 mld pam. Fasa kedua membabitkan pembinaan sembilan telaga pam dengan keupayaan menyedut 450 mld, yang dijangka siap pada akhir 2012. Awal tahun ini, Sime Darby mengumumkan akan membelanjakan kira-kira RM1.3 bilion bagi pembangunan projek pengambilan air bawah tanah, termasuk kos pembinaan, pemasangan paip dan penyenggaraan.

15 November 2009(Ahad)

Negara kerugian berbilion ringgit

MIRI: Malaysia mengalami kerugian berbilion ringgit daripada kemusnahan harta benda akibat banjir besar yang disifatkan agak luar biasa pada 2003, 2004 dan awal tahun ini, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui. Katanya, fenomena itu dipercayai berpunca daripada perubahan iklim secara mendadak yang sukar dibendung dan memberi kesan negatif kepada alam sekitar sehingga menyebabkan tanah runtuh, ribut, kemarau dan banjir. "Jika gagal ditangani dengan baik secara bersama oleh semua pihak, fenomena ini boleh membawa kesan negatif," katanya pada pelancaran Program Pemandu Rakan Alam Sekitar, Kempen Kebersihan Sungai Miri dan Pembersihan Awam sempena Hari Pengawasan Air Sedunia di Kampung Pengkalan Lutong, di sini semalam.

Mengenai Sungai Miri yang pernah dikategorikan 10 sungai paling tercemar di Malaysia, beliau berkata, ia menunjukkan perubahan baik berbanding 10 tahun lalu tetapi tahap pencemaran bergantung kepada keadaan cuaca dan sikap penduduk. "Pencemaran dikesan berlaku disebabkan aktiviti ekonomi seperti pembangunan, pertanian dan perikanan serta amalan penduduk membuang sampah sarap, sisa kumbahan dan sisa perindustrian ke dalam sungai," katanya.

17 November 2009 (Selasa)

Surat - Paip lama punca air kotor di Selangor

BARU-BARU ini, media melaporkan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin menyatakan bahawa kualiti air minuman terkawal dan ia menepati tahap kesihatan 99 peratus dengan mengambil contoh pembekalan air di Selangor. Menurut menteri itu, dari segi parameter kualiti air mencapai lebih 99 peratus ketiadaan bakteria dalam air minuman dan memberikan kesan langsung kepada tahap kesihatan pengguna. Dengan lain perkataan, rakyat lebih sihat dan akan lebih produktif dan mendapat kualiti kehidupan lebih baik.

Semua ini berlaku kerana kawalan ketat dilakukan oleh kementerian serta memastikan semua loji sentiasa mematuhi piawaian ditetapkan kerajaan. Kemerosotan kualiti air seperti kekeruhan dan berwarna, adalah disebabkan masih banyak lagi rangkaian paip lama di Selangor dan negeri lain yang belum ditukar sepenuhnya kerana sudah usang serta tidak boleh digunakan lagi. Jika diteliti, pada satu ketika dulu Syarikat Bekalan Air Selangor Sendirian Berhad (Syabas) hangat memperkatakan mengenai program penggantian paip serta program pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW). Namun, ia menjadi senyap dan walaupun berjalan, ia tidak sehebat dulu.

Selepas itu, Syabas melalui syarikat induknya Puncak Niaga menyatakan terpaksa menghentikan projek penggantian paip air lama yang bernilai berbilion ringgit kerana kekurangan modal kerja teroka serta menanti keputusan pengstruktur semula industri air di Selangor. Dengan jelas, kerugian kini ditanggung oleh pengguna yang mendapat bekalan air yang kurang memuaskan meskipun Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengesah kualiti air minuman yang dibekalkan oleh Syabas, adalah baik. Persoalannya, sampai bilakah pengguna terpaksa menerima musibahnya akibat kelemahan dan kegagalan pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan negeri memuktamadkan kemelut pengstruktur semula industri air di Selangor.

Apakah cukup dengan hanya 'menggulakan-gulakan' pengguna dengan pemberian air percuma 20 meter padu untuk menutup kelemahan ini. Bagi Persatuan Pengguna-pengguna Prihatin Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, kami amat berasa kesal dengan hal ini. Ia membabitkan kepentingan awam, soal kesihatan dan nyawa rakyat. Apakah kepentingan politik amat mustahak didahulukan daripada kepentingan rakyat yang diperjuangkan selama ini. Jika sebelum ini kerajaan negeri melalui risalah bertajuk 'Sokonglah Usaha Kerajaan Negeri Selangor Untuk Mengambil Alih Syarikat-Syarikat Konsesi Air Demi Manfaat Rakyat' menuduh kualiti air dijangka terus berkeadaan buruk (kotor, berbau, mungkin beracun), ia adalah satu fitnah yang dibuat secara terang-terangan.

Bagi memastikan pengguna di Selangor khususnya menikmati kualiti air yang bersih adalah lebih baik dua perkara ini diperhalusi serta dipertimbangkan semasak-masak oleh cerdik pandai pentadbiran negeri dengan meneliti semula keberkesanan program pemberian air percuma sebanyak 20 meter padu kepada pengguna meter individu. Program ini menelan belanja belasan juta ringgit setiap bulan, akan tetapi keberkesanan program ini tidak menepati sasarannya. Mereka yang mempunyai pendapatan besar dan yang hidup mewah juga turut menikmatinya. Apa yang diharapkan oleh kami pengguna adalah peningkatan kualiti yang lebih baik dari semasa ke semasa demi menjamin keselamatan serta kelangsungan hidup yang lebih baik. Rakyat perlu air bersih.

MOHAMAD ASRI SHAFII, Setiausaha Persatuan Pengguna-Pengguna Prihatin Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

17 November 2009 (Selasa)

Sikap segelintir kakitangan kerajaan jejas imej, kualiti pentadbiran kerajaan

SAYA ingin mengucapkan terima kasih kepada Norhisyam Mohamad dari Alor Setar, Kedah kerana mendedahkan pengalaman ketika berurusan di Jabatan Agama Islam di Kota Setar, yang disiarkan ruangan ini baru-baru ini. Saya pasti setiap rakyat beragama Islam akan rasai sendiri pengalaman pahit, tidak kira di mana juga anda berurusan. Di Kuala Lumpur, dan di mana saja, anda akan melihat sendiri fenomena lembab ini. Namun, saya rasakan tidak adil jika jabatan agama saja dibelasah, kerana hampir 95 peratus ketika berurusan di jabatan kerajaan, kita akan mengalami pengalaman seperti itu.

Adakalanya, gerun jika difikirkan kita terpaksa ke jabatan berkenaan kerana perlu menguruskan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Tidak adakah cara terbaik jabatan kerajaan ini, untuk merapatkan diri mereka kepada rakyat dan memberikan perkhidmatan terbaik, tidak perlu terlalu baik, cukuplah jika cekap, mesra dan sopan, supaya rakyat dan generasi muda dapat berurusan dengan selesa? Untuk pengetahuan, saya melalui pengalaman menyakitkan bukan sekali di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), sejak berkahwin dan melalui proses perceraian, soal mutaah dan edah sehinggalah saya berkahwin semula. Semua pengalaman pahit di jabatan ini boleh saya bukukan.

Bukan itu saja, jabatan kerajaan lain, jika boleh saya tidak mahu mengulangi atau menjejaskan kaki lagi ke jabatan berkenaan. Saya rakyat Malaysia, sehingga kini walau menetap jauh dari Malaysia, saya tetap cintakan Malaysia. Tetapi saya tidak cintakan sikap segelintir rakyat Malaysia yang bekerja di jabatan kerajaan. Saya berurusan di jabatan imigresen di luar negara, ada juga pengalaman pahit, namun kebanyakan berlaku di negara Asia. Di Eropah, saya belum pernah lagi mengalami pengalaman pahit. Walaupun saya bukan warga mereka, jika kita pandai menghormati mereka, cara mereka melayan pertanyaan dan memberikan perkhidmatan, adalah wajar dicontohi jabatan kerajaan kita.

Bukan saya mahu mengatakan mereka bagus, dan rakyat kita tidak, maksud saya ialah, perkhidmatan terbaik inilah yang wajar kita ambil dan contohi supaya mutu perkhidmatan jabatan kerajaan dapat dinaikkan tarafnya. Saya dapat rasakan ada sikap kebencian dalam diri mereka jika yang datang adalah orang biasa dan miskin. Saya pernah mendengar dua pegawai agama (wanita dan lelaki) meninggikan suara kepada seorang wanita tua yang menemani anak perempuannya untuk mendapatkan surat kebenaran berkahwin di Jawi. Sudahlah orang tua itu dimarahi, kemudian di belakang wanita ini, pegawai perempuan boleh bersuara, "Sakit hati uruskan orang tua ini, baik emak baik anak, tak sekolah gamaknya!." Bila saya jeling dia, barulah dia sedar yang suara dan sikapnya diperhatikan beberapa orang di kaunter. Nah, itu baru pengalaman biasa di jabatan agama, dan bagaimana pula dengan pengalaman di jabatan lain?

Kepada pembaca semua, secara jujur saya bukanlah mahu memalukan pegawai dan jabatan kerajaan, kerana masih ramai mereka yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan lain. Mungkin ada pelanggan yang tidak mempunyai pengalaman pahit seperti kita atau pelanggan lain, namun ini bukannya alasan mutu perkhidmatan jabatan harus dipandang sepi. Kepada yang memberikan perkhidmatan terbaik, teruskanlah perkhidmatan terbaik anda dan syabas. Jadilah kakitangan awam yang berhemah. Kerajaan perlu pantau keadaan ini kerana kualiti pentadbiran penentu imej pemerintah. Walaupun segelintir golongan berbuat tidak sewajarnya, namun ia menjejaskan imej pentadbiran awam di mata masyarakat.

JULIANA ARIFF, Gamlastaden, Stockholm, Sweden.

18 November 2009 (Rabu)

Melaka&Negeri Sembilan: Jeti tak diguna

Oleh Nor Aziah Othman bhnews@bharian.com.my



Nelayan Sungai Rambai terpaksa sewa tapak di Kuala Lukut untuk tambat bot.

Nelayan Sungai Rambai dakwa pangkalan jauh dari sungai

LUKUT: Ada kemudahan, tetapi bagai tidak ada. Inilah dilema dihadapi ahli Persatuan Kebajikan Nelayan Sungai Rambai (PKNSR) di sini berikutan pembinaan jeti yang sepatutnya memudahkan kerja mereka menjadi seperti projek gajah putih. Nelayan mendakwa jeti yang dibina Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah projek seperti 'melepas batok di tangga' kerana tidak banyak membantu mereka. Ia berikutan jeti di Sungai Rambai terlalu jauh ke daratan menyebabkan nelayan menghadapi masalah setiap kali air surut. Setiausaha PKNSR, Shamsuddin Jaafar, 57, berkata ramai nelayan di sini menghadapi pelbagai masalah berikutan lokasi jeti itu, malah ada nelayan terpaksa menggantung pukut dan meninggalkan bot mencari pekerjaan lain yang sesuai.

Katanya, sungai itu kecil dan berlumpur, tetapi masalah utama adalah lokasi jeti yang jauh ke daratan menyebabkan nelayan terpaksa membawa bot masing-masing tiga atau empat jam lebih awal ke laut sebelum air surut untuk mengelakkan bot tersangkut di lumpur dan merosakkan enjin. Tinjauan Berita Harian mendapati nelayan terpaksa mengharungi sungai berlumpur sejauh 200 meter untuk ke laut dan untuk menurunkan hasil tangkapan di jeti, terpaksa menunggu air pasang. Walaupun sudah dekat, kadang-kadang terpaksa menunggu hingga enam jam untuk tiba di jeti.



Wakaf yang pecah perlu dibaiki.

Sesetengah nelayan yang bosan dengan masalah itu memilih meletakkan bot di jeti berhampiran di Kuala Lukut, tetapi dikenakan bayaran sewa RM5 sehari dan menghadapi masalah untuk menjual ikan. "Bukan setiap hari hasil tangkapan bagus. Walaupun RM5 kecil bagi orang lain, tetapi cukup besar kepada nelayan. Kadang-kadang hasil tangkapan hanya cukup untuk menyara kehidupan sehari ibarat `kais pagi makan pagi, kais pagi makan petang," katanya. Katanya, lokasi jeti juga menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menjual hasil tangkapan kerana tidak dapat tiba di jeti dengan cepat. Beliau yang mewakili 30 nelayan lain memohon LKIM supaya jeti sedia ada dapat dipanjangkan sejauh kira-kira 500 meter lagi untuk membolehkan nelayan berlepas ke laut dan mendaratkan hasil tangkapan tanpa perlu bergantung kepada pasang surut air laut.

Beliau turut meminta beberapa kerosakan di jeti itu diperbaiki bagi memastikan keselamatan nelayan dan pengguna lain terjamin. Peraih, Mohd Noh Gayak, 45, berkata kira-kira empat tan ikan didaratkan di Jeti Sungai Rambai setiap bulan dan hasil tangkapan nelayan ada yang mencecah hingga 200 kilogram sehari. Selain itu, katanya ikan yang ditangkap adalah spesies mahal seperti tenggiri, senangin, ikan merah, ketam, parang, siakap, kerapu dan udang gred A. "Bagaimanapun, keadaan jeti ini yang terletak jauh ke daratan membuatkan peraih jemu menunggu kerana nelayan yang `tersangkut' sebelum dapat tiba di jeti menyebabkan peraih juga lambat menghantar ikan ke pasar," katanya. Mohd Noh bersimpati dengan nasib nelayan kerana mereka bekerja keras, tetapi masalah lokasi jeti menyebabkan mereka hampa.

18 November 2009 (Rabu)

Badan khas pantau projek luar bandar

25 anggota turun padang siasat aduan

BANGI: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menubuhkan pasukan pemantau dan flying squad bagi memastikan pelaksanaan projek di bawah kementerian itu berjalan lancar dan menepati sasaran yang ditetapkan. Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata pasukan itu mempunyai 25 anggota terdiri daripada pegawai pemantau negeri dan wakil agensi kementerian, termasuk Mara, Felcra dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Beliau berkata, pasukan itu bukan saja menjelajah ke seluruh kawasan yang ditetapkan untuk memantau projek, malah ditugaskan untuk mendengar maklum balas rakyat berhubung projek juga menyiasat dan memantau aduan mengenainya. Sebelum ini kita tiada unit khas, cuma (bertindak) berdasarkan rungutan dan aduan, tetapi kali kita mempunyai struktur yang formal dan laporan daripada pasukan ini akan dimajukan terus kepada Ketua Setiausaha kementerian," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan kementerian di Institut Kemajuan Desa (Infra), di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mohd Shafie turut menyampaikan watakah pelantikan kepada 17 daripada 25 anggota pasukan berkenaan. Mohd Shafie berkata, pasukan itu juga ditubuhkan untuk mengatasi projek yang tergendala kerana masalah seumpama itu dapat diatasi jika kementerian dimaklumkan mengenainya segera. Beliau berkata, pasukan itu turut membantu peranan kementerian dan agensi lain termasuk Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab memantau projek di peringkat nasional. Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Shafie berkata sehingga kini, 90 peratus daripada 26,000 projek pembangunan luar bandar bagi tahun ini berjaya disiapkan. □
Bernama

19 November 2009 (Khamis)

Ekuinas bakal ambil alih dua firma tahun depan

Oleh Kamarulzaidi Kamis kamarulzaidi@bharian.com.my

EKUITI Nasional Bhd (Ekuinas), syarikat pelaburan ekuiti swasta ditubuhkan kerajaan bagi memastikan penyertaan lebih bermakna dan berkesan Bumiputera dalam perniagaan, akan mengumumkan pengambilalihan dua syarikat sebelum Mac tahun depan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Ekuinas kini sedang melaksanakan kajian terhadap syarikat berkenaan sebelum mengambilalihnya. "Ekuinas kini sudah mula memberi tumpuan khusus berkaitan pengambilalihan dan dalam tempoh singkat, ia akan mengumumkan pembelian sulung satu atau dua syarikat.

19 November 2009 (Khamis)

Ambrin Buang dilantik semula Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR: Tan Sri Ambrin Buang telah dilantik semula sebagai Ketua Audit Negara untuk tempoh dua tahun lagi mulai 23 Februari 2010 hingga 22 Februari 2012, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, mengumumkan hari ini. Dalam kenyataannya di sini, Mohd Sidek berkata pelantikan semula Ambrin telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Fasal (1) Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan, atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Ambrin telah dilantik sebagai Ketua Audit Negara untuk tempoh dua tahun mulai 23 Februari 2006 hingga 22 Februari 2008 dan dilantik semula untuk tempoh dua tahun lagi mulai 23 Februari 2008 dan perkhidmatan beliau akan tamat pada 22 Februari 2010. Pelantikan semula Ambrin adalah kerana perkhidmatan beliau sebagai Ketua Audit Negara masih diperlukan," kata Mohd Sidek. - Bernama